

30/08/2002

Menyemarak pergerakan belia demi nusa, bangsa

DARIPADA anggaran sembilan juta belia di negara ini, hanya 1.8 juta atau 20 peratus yang menyertai pelbagai pertubuhan belia di seluruh negara. Baki 7.2 belia lagi memilih untuk tidak berpersatuan atas pelbagai sebab. Kajian yang dijalankan Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan antara punca kelesuan pertubuhan belia ialah masalah kepemimpinan, pengurusan dan kewangan serta pergerakan yang tidak lagi menarik atau kurang relevan hingga banyak program kurang mendapat sambutan. Di samping itu, daripada hampir 8,000 persatuan belia yang berdaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan pula, kurang 40 peratus yang aktif menganjurkan kegiatan. Daripada hanya menyalahkan sikap belia sendiri, kekontangan perancangan daripada pihak institusi harus turut dipersalahkan.

Belia hari ini tidak lagi boleh diumpamakan dengan kursus bina semangat dan kempen penerangan atau dibekalkan baju batik untuk memeriahkan sesuatu acara sambutan. Sebagaimana hujah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, Selasa lalu, cita rasa dan harapan belia masa kini berbeza, lantaran mereka dibesarkan dalam suasana berlainan di mana ledakan pembangunan dan teknologi adalah lebih canggih dan mencabar. Seiring dengan itu, kepemimpinan belia hendaklah daripada golongan belia sendiri yang lebih memahami hasrat kelompok diwakili. Amalan berpaut kepada jawatan, terutama di peringkat negeri yang menyaksikan banyak pertubuhan belia tidak diketuai pemimpin lanjut usia, tidak harus lagi dibenarkan. Sekiranya amalan konservatif masih mahu diasak ke dalam minda belia, maka imej belia yang lusuh akan bertambah sukar dilekangkan.

Sesungguhnya kepesatan pembangunan dan matlamat menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020, banyak bergantung kepada tahap kemahiran, pendidikan dan etika kerja positif di kalangan belia. Selain memupuk potensi bakat dan menggembeleng tenaga untuk menyumbang secara berkesan, belia juga mesti digerakkan untuk memiliki nilai moral dan etika tinggi kerana ia adalah tunjang kepada pembangunan fizikal dan rohaniah. Teras pembangunan belia haruslah menyediakan mereka dengan kemahiran sesuai pada alaf ini. Belia juga mesti dipastikan memiliki kualiti kepemimpinan tinggi dan nilai positif. Penyertaan cergas mereka dalam apa juga kegiatan sosial, termasuk sukan dan kebudayaan, pula mesti dipertingkatkan kerana mereka adalah alat utama mewujudkan perpaduan, setiakawan dan semangat kerjasama di kalangan masyarakat berbilang kaum.

Setiap program pembangunan belia memerlukan orientasi semula, pendekatan dan penekanan baru yang lebih kreatif dan bermanfaat besar. Ia meliputi program yang menjadikan mereka bertoleransi, berdaya saing, keusahawanan, gaya hidup sihat, beretika, semangat juang, demokratik, liberal serta memajukan sains dan teknologi. Penekanan juga mesti diberikan kepada memperkukuhkan institusi keluarga dan peranan ibu bapa dalam memupuk nilai moral dan kerohanian. Idealisme yang jelas amat penting bagi belia dan anak muda Malaysia untuk negara melangkah ke satu tahap yang lebih maju daripada sekarang. Segala-galanya boleh dilakukan sekiranya belia mempunyai cita-cita besar dan idealisme positif untuk menjadikan Malaysia lebih kuat, maju dan terbilang.

Walaupun mungkin tidak mencapai kejayaan sepenuhnya, tanpa idealisme belia kita akan statik dan beku serta kekal di takuk lama. Idealisme jelas yang disulami dengan amalan nilai hidup baik akan menjadi penggerak kepada belia untuk memiliki disiplin tinggi dan mengisi diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Di samping itu, usaha memupuk integrasi nasional di kalangan

belia hendaklah diperbanyakkan. Tembok kaca yang memisahkan keanggotaan persatuan belia khusus kepada kaum tertentu semata-mata perlu diruntuhkan. Mengambil iktibar daripada pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 13 Ogos lalu, untuk memberi hadiah sebagai galakan kepada kelab di semua universiti yang mencipta kaedah merapatkan hubungan dan menarik penyertaan pelajar dari semua kaum, persatuan belia boleh turut mencontohi langkah serupa.